

KERTAS KERJA IKMAS
Nombor 1, Jun 1996

**PENDIDIKAN NASIONAL KE ARAH 2020
SUATU TINJAUAN STRATEGIK**

*Norani Othman
Mohd. Yusof Kasim
H. Osman-Rani*

Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa
Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi, Malaysia

Penulis merakamkan ucapan terima kasih di atas sumbangan Clive Kessler, Rustam Sani, Halim Ali, Sabihah Osman, Safiah Osman, Ishak Shari dan Mansor Jusoh dalam penyediaan kertas kerja ini. Walau bagaimanapun sebarang kelemahan jika ada, adalah tanggungjawab penulis. Ketiga-tiga penulis kertas kerja ini ialah Felo Penyelidik IKMAS.

Siri **Kertas Kerja IKMAS** diterbitkan oleh Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa, Universiti Kebangsaan Malaysia. Tujuannya ialah untuk sebaran kepada pembaca-pembaca yang berminat. Siri ini memberi penekanan kepada penyelidikan dasar dan gunaan yang relevan kepada pembangunan dan pembentukan bangsa Malaysia.

Antara bidang-bidang penyelidikan termasuklah:

perdagangan dan pelaburan dan integrasi antarabangsa
teknologi dan masyarakat
sejarah, etnisiti dan budaya politik negara bangsa
agihan pendapatan, kemiskinan dan pembangunan
agama, gender dan pembangunan

Tujuan utama penerbitan Kertas Kerja IKMAS ialah untuk menyebarkan hasil kajian yang sedang berjalan dan untuk menggalakkan pertukaran idea antara penyelidik-peneliti dan pembaca-pembaca yang berminat dalam isu-isu yang berkaitan.

Semua Kertas Kerja IKMAS diulas sekurang-kurangnya oleh seorang penilai sebelum diterbitkan. Namun, kandungan penerbitan ini adalah sumbangan penulis dan tidak semestinya membayangkan pendapat dan dasar IKMAS. Semua komen dan saranan boleh disampaikan kepada penulis melalui alamat:

IKMAS, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor

K A N D U N G A N

| | | |
|-------|---|----|
| I. | Pengenalan | 1 |
| II. | Wawasan 2020: Kemodenan Budaya Sebagai Matlamat Kebangsaan | 2 |
| III. | Kemodenan Individu: Teras Pembentukan Warganegara Malaysia | 5 |
| IV. | Agenda Pendidikan Nasional | 6 |
| V. | Pendidikan Lama, Pendidikan Baru: Cabaran Masa Depan | 7 |
| VI. | Implikasi Utama Bagi Agenda Pendidikan: Pendidikan Asas Ke Arah Latihan Khusus | 11 |
| VII. | Pendidikan Ke Arah 2020: Apa Yang Perlu Di Pelajari - Kurikulum Induk Kebangsaan Malaysia | 15 |
| VIII. | Pendidikan Asasi Sebagai Teras Sistem Pendidikan Nasional: Memperoleh “Kecekapan-Kemodenan” Melalui Kurikulum Pengajaran Umum | 19 |
| IX. | Ciri-ciri Utama Sistem Pendidikan Nasional: Suatu Cadangan | 21 |
| X. | Ringkasan Cadangan | 29 |
| | Lampiran I | 35 |
| | Lampiran II | 37 |
| | Rujukan | 38 |

PENDIDIKAN NASIONAL KE ARAH 2020

SUATU TINJAUAN STRATEGIK

1. Pengenalan

Pembangunan Malaysia kini sedang menuju ke arah pencapaian matlamat Wawasan 2020. Matlamat utama Wawasan 2020 adalah untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju, iaitu berada di tahap pemodenan dan perindustrian sepenuhnya. Walaupun pengertian umum sering menyentuh soal-soal ekonomi, hasrat sebenar di sebalik Wawasan 2020 ialah pembangunan yang seimbang yang merangkumi berbagai aspek kehidupan.

Hakikatnya pencapaian matlamat tersebut mempunyai implikasi sosial yang besar kerana kemodenan ekonomi yang berlandaskan sains dan teknologi baru tentunya memerlukan asas sosial yang luas lagi mantap. Tertanam dalam asas atau teras tersebut adalah beberapa kriteria sosio-budaya yang tidak kurang pentingnya. Sesebuah ekonomi moden tidak boleh berdiri sendiri atau dibentuk tanpa pengisian sosialnya. Tiada ekonomi moden di dunia ini yang tidak bertunjangan suatu masyarakat moden yang serba lengkap dengan kemodenan budayanya. Pencapaian kemodenan sepenuhnya – dalam dimensi ekonomi, sains, teknologi dan industri – memerlukan kemodenan sosial dan budaya sebagai teras kemanusiaan kepada dimensi-dimensi tersebut.

Dalam setiap ekonomi, masyarakat atau budaya terdapat manusia moden, iaitu maju daripada segi keterampilan, pemikiran dan segala kebolehan mereka. Oleh yang demikian untuk mencapai kemodenan dan pembangunan sejati seperti yang digariskan dalam Wawasan 2020 kita perlu terlebih dahulu meletakkan batu asas atau terasnya, iaitu sistem pendidikan dan pembangunan sumber manusia. Di sinilah akan terletaknya suatu sistem pendidikan kebangsaan yang mampu memainkan peranan sebagai teras utama dasar pembangunan negara dan kemasyarakatan.

Sistem pendidikan tersebut amat penting untuk melahirkan manusia moden sebagai tenaga kerja moden serta tidak kurang pentingnya sebagai warga sosial moden (*a modern citizenry, a civil society*), iaitu dalam pengertian masyarakat madani terkini.¹ Sistem pendidikan seharusnya menjadi teras utama dalam proses pembinaan negara-bangsa Malaysia.

¹ Terungkap dalam konsep “masyarakat madani” atau “civil society” ialah ciri “*a modern citizenry*”. “Citizenry” atau “budaya kewargaan” bukan diertikan sekadar status kewarganegaraan sahaja. Malah ia merujuk kepada pengisian ciri-ciri keterlibatan, tanggungjawab dan kesedaran sivik dalam memainkan peranan sebagai anggota warga sesebuah negara. [Sila lihat Lampiran II “Masyarakat Madani/Civil Society”]

Pembentukan negara-bangsa ini amat memerlukan asas budaya dan etika yang bersesuaian dengan warisan sejarah dan peradaban kita sehingga kini.

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini perdebatan dan wacana dalam negara kita jarang sekali menyarankan kriteria-kriteria sosio-budaya yang mencirikan Wawasan 2020. Apa yang sering terpancar dalam perbahasan dan banyak kali diperkatakan adalah keseluruhan ‘pakej’ sembilan cabaran yang terungkap dalam Wawasan 2020. Interpretasi dan perbincangan berhubung dengan kesembilan cabaran ini banyak menekankan interpretasi sosial dan ekonomi serta penyusunan semula strategi-strategi ekonomi. Tetapi tuntutan Wawasan 2020 terhadap transformasi sosial yang memerlukan anjakan paradigma tidak dihuraikan dengan sewajarnya.

Oleh itu amat perlu sekali dalam usaha untuk meninjau seluruh “Strategi Pendidikan Nasional” ke arah abad ke-21, kita memulakan dengan penelitian tentang dimensi kemanusiaan dan sosial yang tersirat dalam aspirasi Wawasan 2020. Premis utama peranan sektor institusi pengajian tinggi (IPT) untuk meninjau semula “Strategi Pendidikan Nasional” ini terletak kepada huraian dan analisis bagaimana dimensi insan dan sosio-budaya yang tersirat dalam Wawasan 2020 menjadi amat penting dalam menentukan jenis dan cabaran pendidikan yang perlu kita hadapi dan tangani bersama sektor kerajaan. Kertas kerja ini seterusnya mengemukakan langkah-langkah yang dianggap penting, dan kerjasama serta kesefahaman antara kerajaan, IPT dan sektor swasta agar dasar pengstruktur dan reformasi pendidikan nasional berjaya memenuhi tuntutan keseluruhan dimensi Wawasan 2020.

2. Wawasan 2020: Kemodenan Budaya Sebagai Matlamat Kebangsaan

Wawasan 2020 bertujuan menyerlahkan sifat masyarakat Malaysia yang diperlukan dalam tempoh satu generasi dari sekarang. Ia juga menyarankan bagaimana masyarakat tersebut dapat terlibat sepenuhnya secara aktif dan positif dalam arena masyarakat dunia dan proses ekonomi sejagat atau global dan tentunya bukan menjadi tawanan dan ‘korban’ kepada kuasa global tersebut. Dalam usaha menangani cabaran globalisasi pada awal abad ke-21, sesebuah masyarakat itu perlulah menyediakan segala sumber manusia dan kelengkapan sosialnya agar ia dapat membentuk satu daya ketahanan budaya yang akan membolehkannya berinteraksi dan bertindak secara autonomous dalam *orde dunia* yang baru.

Keupayaan Malaysia memainkan peranannya secara berdikari sebagai aktor dan mengelak daripada menjadi mangsa dan boneka dalam orde global amat bergantung kepada kebolehan sumber tenaga manusianya memperolehi keterampilan moden, daya penyesuaian dan ketahanan budaya yang mantap. Segala keupayaan itu amat penting agar dapat menjadikan rakyat Malaysia lebih produktif dalam ekonomi baru serta menjadi warganegara yang berkesan untuk menyumbang kepada kehidupan komuniti kebangsaan Malaysia umumnya.

Tugas utama sistem pendidikan nasional adalah menghasilkan sumber manusia moden tersebut. Oleh yang demikian, cabaran bagi kerajaan dan para perancang dasar pendidikan nasional adalah untuk menggubal dasar yang bersesuaian. Dasar-dasar tersebut pula berfungsi untuk menyediakan asas-asas sosio-budaya yang diperlukan oleh ekonomi moden khususnya dan persaingan ekonomi global amnya.

Pada keseluruhannya, Wawasan 2020, secara tersurat dan tersirat, telah menyarankan agar kita membentuk beberapa komponen atau ciri sosial baru dalam masyarakat Malaysia. Selain ekonomi moden yang disarankan, Wawasan 2020 juga mengutarakan pembentukan beberapa unsur asas, antaranya:

- *masyarakat moden*, iaitu sebuah masyarakat yang mempunyai institusi, struktur, proses, amalan dan orientasi nilai yang maju, dinamik dan sesuai dengan zamannya.
- *budaya moden*, iaitu suatu budaya yang bukan sekadar dilengkapi dengan pengamal-pengamal sains dan teknologi di kalangan ahli-ahlinya. Malah, di kalangan rakyat jelata juga perlu terdapat manusia yang bersifat rasional lagi moden dari segi keseluruhannya. Ertinya, manusia yang mempunyai sikap dan pemikiran rasional berteraskan pendidikan sains tabii serta kemanusiaan (*humanities*) dan nilai-nilai moral sejagat yang bersandarkan agama Islam, iaitu agama rasmi negara.
- *manusia moden*, iaitu individu yang bukan sekadar moden dari segi pemikiran, sikap dan orientasi nilainya, tetapi juga individu yang diperteguhkan tersendiri oleh warisan agama dan budayanya. Keperibadian moden ini yang berteraskan kejadian budaya dan agama merupakan keperibadian yang merangkumi sifat, keterampilan dan sahsiah yang berbentuk rasional, tidak fanatik, luwes, bertanggungjawab serta bersedia untuk bekerjasama, berperikemanusiaan, penyayang dan bertolak ansur. Individu tersebut sentiasa bersedia menyesuaikan diri dengan

keadaan baru, mempunyai keluwesan dan daya tahan untuk menjalankan tugas dengan daya pengeluaran yang tinggi.

Ketiga-tiga komponen tersebut pula hanya boleh berkembang subur dalam satu persekitaran dan konteks institusi sosial yang lebih khusus ciri ke Malaysiaannya. Ini bermakna usaha “pembinaan negara-bangsa” (*nation-building*) kini bukan lagi sekadar membangunkan prasarana negara seperti yang dilaksanakan pada jangka waktu tiga dekad sesudah kemerdekaan malah yang lebih utama ialah membentuk satu komuniti kebangsaan yang tersendiri. Komuniti yang beridentiti “Bangsa Malaysia” ini dapat dibentuk melalui satu identiti budaya dan kewargaan yang sepenuhnya bersifat kebangsaan. Budaya kewargaan² tersebut mestilah bertunjangkan Bahasa Kebangsaan (iaitu Bahasa Melayu) sebagai komponen pengisian utama bagi menyatupadukan pelbagai keturunan yang ada di Malaysia. Bahasa Melayu telah menjadi saluran komunikasi antara pelbagai kaum di kalangan generasi muda-mudi kita. Penggunaan bahasa tersebut boleh diteruskan sebagai orientasi budaya kebangsaan guna memperteguhkan kejadian diri dan identiti budaya generasi baru sebagai warga negara-bangsa Malaysia moden.

Berdasarkan fakta di atas, sistem pendidikan nasional perlulah mengekalkan unsur “kebangsaan” tersebut melalui pengekalan satu bahasa kebangsaan pada semua peringkat dan lapisan masyarakat tanpa diragui dan diganggu gugat. Strategi ini penting supaya kemodenan yang dibentuk dalam suasana ekonomi terbuka dan sistem sosial di Malaysia terus di warnai oleh unsur-unsur budaya tempatan. Pengekalan unsur kejadian budaya (melalui penggunaan bahasa kebangsaan) haruslah juga disertakan dengan pembelajaran bahasa-bahasa antarabangsa, seperti Bahasa Inggeris, Jepun, Arab, Perancis dan bahasa-bahasa lain di rantau ini, untuk mengukuhkan lagi keperibadian bangsa Malaysia.

Keperibadian kebangsaan yang berupaya menggunakan satu bahasa sebagai bahasa kebangsaan boleh memantapkan lagi identiti budaya kebangsaan tersebut. Apa juga bahasa lain dan bahasa asing yang perlu diajar dalam sistem pendidikan nasional tidak seharusnya menjejaskan kadar kemajuan pengajaran dan penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan kita. Keupayaan menggunakan Bahasa Melayu yang seluas-luasnya, malah hingga ke luar negara, amat penting kerana ia dapat menghubungkan dan mengintegrasikan segala unsur kemodenan budaya Malaysia yang dihasratkan oleh Wawasan 2020.

Kita tidak akan berjaya sepenuhnya membentuk kemodenan negara dan masyarakat sekiranya perkembangan dan kemajuan tersebut

²Sila lihat nota-kaki (1) hal. 1.

dilaksanakan dalam ruang bahasa dan budaya asing sahaja (misalnya, Bahasa Inggeris dan pemikiran Barat). Arus kemodenan seperti itu akan hanya meminggirkan bahasa Melayu (dan dengan itu budaya Melayu) seterusnya. Misalnya, pada awal abad ke-20, masyarakat Melayu tidak dapat memainkan peranannya dalam arus perdana pemodenan ekonomi dan perniagaan dalam negara, di peringkat serantau dan dunia. Alam dan masyarakat Melayu hanya merupakan budaya kantungan (*enclave*) yang terasing dalam dunia moden ketika itu.

Kesimpulannya, peranan utama yang amat penting untuk menyediakan segala komponen Wawasan 2020 – sama ada yang bersifat sosial, budaya, insan atau kebangsaan – serta fungsi untuk saling menghubungkan kesemua komponen tersebut terletak kepada sistem pendidikan nasional. Kerajaan dan juga IPT perlu bekerjasama memastikan pra-syarat dan komponen-komponen “*para-economic*” untuk mencapai matlamat Wawasan 2020 dapat dilaksanakan. Pelaksanaan tersebut memerlukan IPT mengemaskini dan menilai semula strategi pendidikan kebangsaan yang sedia ada.

3. Kemodenan Individu: Teras Pembentukan Warganegara Malaysia

Melalui strategi mengutarakan sifat-sifat hasrat rakyat Malaysia pada masa depan, dokumen Wawasan 2020, iaitu *Malaysia Melangkah Ke Hadapan*, telah mencuba untuk memancarkan perubahan susunan sosio-budaya dan ekonomi rakyat negara ini agar dapat direalisasikan kelak. Ungkapan-ungkapan tentang sifat-sifat yang diinginkan bagi rakyat Malaysia yang terkandung di dalam dokumen Wawasan 2020 itu sangat menarik serta menyeluruh seperti: progresif, inovatif, mempunyai perancangan masa depan, saintifik, liberal, bertoleransi, matang, bebas, stabil, berkeyakinan diri, beretika, penyayang, tabah, berdaya-saing, dinamis, bersemangat, berdaya-tahan dan sebagainya [lihat Lampiran I: “Wawasan 2020: Sembilan Cabaran Asasi Yang Strategik”]

Sesungguhnya senarai Wawasan 2020 itu adalah menarik. Ia amat tepat untuk dibentuk sifat-sifat individu yang diinginkan pada masyarakat Malaysia pada masa hadapan. Tetapi, sebelum keinginan demikian dapat dicapai, masih banyak lagi cabaran besar yang perlu dihadapi bagi menjelmakan kesemua sifat tersebut.

Apa yang diperlukan sekarang ialah satu penerokaan secara analitis tentang dua perkara yang saling berkaitan:

- (i) Mengapa dan di manakah boleh terdapat sifat-sifat yang diinginkan itu di kalangan generasi baru warganegara dan pekerja-pekerja Malaysia, terutamanya dalam konteks budaya kerja dan dunia sosial moden.?
- (ii) Bagaimanakah sifat-sifat itu dapat dijelmakan dalam masyarakat Malaysia pada masa depan melalui pengalaman pendidikan negara dan kurikulum dalam sistem pendidikan kebangsaan Malaysia sendiri?

Tugas utama kita ialah membentuk satu agenda khusus berdasarkan profil rakyat ideal tersebut. Agenda tersebut harus mengandungi strategi dan mekanisme khusus untuk merealisasikan pembangunan sumber manusia yang menyeluruh dan seimbang.

4. Agenda Pendidikan Nasional

Sistem pendidikan nasional mempunyai peranan utama menterjemahkan dan merealisasikan segala kriteria “para-ekonomi” dan input budaya, sosial, manusia dan negara yang terungkap dalam Wawasan 2020 kepada pelaksanaan dasar pendidikan yang konkret. Sungguh pun pencapaian matlamat Wawasan 2020 masih jauh, usaha untuk mencapai matlamat tersebut perlu dimulakan sekarang untuk memenuhi prasyarat sosio-budaya dan kemanusiaan yang tersirat dalam Wawasan 2020. Usaha ini merangkumi dua aspek yang berkaitan:

1. Aspek pembangunan sumber manusia yang memerlukan tugas penyelidikan generasi baru dengan keterampilan asas dan modal-pengetahuan agar keterlibatan mereka dalam ekonomi moden berkesan. Keberkesanannya tersebut dapat menjamin kejayaan keterlibatan Malaysia dalam orde ekonomi global.
2. Aspek pendidikan dan latihan dalam pengertian yang lebih luas lagi, iaitu bukan sekadar menyediakan pekerja atau individu yang terdidik khusus dalam pengetahuan dan keterampilan spesifik. Malah tugasnya adalah mendidik individu sebagai pekerja yang luwes dan serba-boleh, produktif, berdikari dan tabah dalam menjalankan tugas kerja. Juga sekali gus kita perlu membentuk warganegara yang

moden, iaitu mereka yang bertanggungjawab terhadap masyarakat, rasional, beretika dan berperikemanusiaan. Umumnya, kita perlu menghasilkan satu komuniti nasional Malaysia yang terdidik untuk dunia pekerjaan moden serta juga dunia sosial moden.

Aspek pertama merujuk kepada penyediaan individu dalam pendidikannya dan pembangunan intelektual dan peribadi agar mereka berkebolehan menyumbang secara efektif dan produktif dalam ekonomi moden di peringkat negara dan antarabangsa. Aspek kedua meliputi perkembangan moral, sosial dan keperibadian agar mereka dapat memenuhi peranan mereka sebagai warganegara yang perihatkin terhadap kedua-dua cabaran dan tuntutan kemajuan negara dan antarabangsa dalam semua bidang.

Bagi pengalaman seseorang individu, kedua-dua tahap pendidikan dan latihan tersebut merupakan satu perkara yang asas lagi utama. Perkara asas itu adalah kemodenan di peringkat amali, ekonomi dan juga peribadi manusia: yang diutamakan ialah “kecekapan kemodenan” (*modernity-competence*) dalam ertiata memperoleh dan mengembangkan pelbagai keterampilan dan latihan kerja yang moden. Pada ketika yang sama, pendidikan diperlukan untuk membentuk keperibadian, pandang-dunia dan sikap yang moden.

Tanpa menjelaskan warisan dan kejatian budaya tempatan di Malaysia, malah memperkuuh transformasi budaya asal tersebut melalui kemodenan budaya sendiri, generasi Malaysia masa depan akan dapat menyesuaikan diri mereka dengan segala cabaran baru ketika itu. Kemodenan budaya asal menjadi tunjangan untuk penyediaan anggota masyarakat moden yang berkeupayaan menangani serta membentuk arus kemajuan dan pemodenan masyarakat dan negara seterusnya.

Dalam konteks inilah terletaknya peranan dan tugas sistem pendidikan nasional, terutamanya di peringkat pengajian tinggi. Tugas tersebut adalah mendidik dan memupuk “kecekapan kemodenan” dalam semua segi: peribadi, pekerjaan, pengkhususan ikhtisas dan vokasional serta kemasyarakatan, kenegaraan, dan keagamaan atau moral.

5. Pendidikan Lama, Pendidikan Baru: Cabaran Masa Depan

Perancangan pendidikan untuk memenuhi cabaran masa depan dan matlamat Wawasan 2020 adalah kini di luar imaginasi dan pengalaman generasi yang sedia ada. Prasyarat dan andaian lama tentang pendidikan harus dipertimbangkan semula kerana *hasil pendidikan di bawah sistem yang*

sedia ada sekarang tidak lagi mencukupi untuk menangani cabaran dan tuntutan masa depan. Beberapa tokoh pendidikan dan juga korporat telah pun melahirkan kesangsian dan keraguan mereka terhadap hasil sistem pendidikan Malaysia pada hari ini untuk memenuhi keperluan ikhtisas, pekerjaan dan kehidupan ekonomi moden.

Antara perkara yang ditimbulkan merujuk kepada persoalan sama ada Malaysia kini telah menerima hasil manfaat sepenuhnya daripada segala sumbangan dan sokongan kerajaan kepada pendidikan nasional setakat ini. Keraguan mereka adalah sama ada keluaran daripada sistem pendidikan nasional kini berupaya memenuhi tuntutan dan keperluan perkembangan negara menjelang 2020.

Apa yang tidak diragui lagi ialah kenyataan bahawa tidak ada pembangunan ekonomi tanpa suatu transformasi sosial, terutamanya dalam bidang pendidikan dan pembangunan sumber manusia yang setara dengan arus perubahan dan kemajuan perindustrian. Sekiranya kita bertujuan menangani cabaran tersebut maka sasaran kita seharusnya menuju ke arah membangunkan satu budaya ilmu dan teknologi sebagai teras kepada ekonomi industri. Oleh yang demikian cabaran reformasi pendidikan negara perlu ditujukan kepada dua perkara:

- (a) pembangunan sumber manusia, dan
- (b) pembentukan budaya ilmu dan teknologi tinggi.

Perkara ini pernah disarankan oleh salah seorang ahli korporat yang tipikal. Dalam kertas kerjanya pada tahun 1991, beliau telah mempersoalkan mutu atau kualiti keluaran sekolah dan universiti kerana kesangsiannya tentang kebolehan lulusan-lulusan sekolah dan institusi pengajian tinggi dari segi “*not just their literacy and numeracy but their analytical thought and effective communication*”³. Mengikut beliau, sektor korporat memerlukan keluaran sekolah dan IPT yang terdidik bukan sekadar dalam kerangka latihan untuk menghasilkan “*competent, no-frills technicians and professionals, scientists and managers*”. Mengikutnya lagi, dari perspektif perniagaan dan sektor swasta bukannya tidak penting keterampilan dalam bidang-bidang sains, teknikal, pengurusan dan profesional tetapi apa yang

³ Sila rujuk Anuar Othman “Vision 2020: The Non-Economic Foundation of Economic Change”, kertas kerja dibentangkan dalam Seminar on Vision 2020 & The New World Order, di PWTC, Kuala Lumpur, 26 Sept. 1991; tidak diterbitkan. (Versi pendek kertas kerja ini, iaitu kertas penyampaian lisan telah diterbitkan dalam majalah INUEM, October, 1991. Dato’ Anuar Othman ketika itu ialah Managing Director, di United Engineers (Malaysia) Berhad, iaitu sebuah syarikat dalam Kumpulan Renong).

beliau ingin menekankan ialah keterampilan dan latihan pengkhususan sahaja amat tidak mencukupi. Katanya:

We should be thinking here not only of training our labour force simply by implanting vocational skills; of providing a greater supply of engineering and technical graduates, technocrats and mechanics; of developing the skilled, technically-creative inputs and energy that are needed ... to support our industrial expansion and thereby to sustain the continuing technological advances that will be required of us throughout the 1990s and beyond to 2020 ... *We can only accomplish this sustained technological leap on an educational and also cultural basis that is not simply technical or technicist* (Anuar Othman, 1991).

Seterusnya, mengikut beliau lagi, kerajaan Malaysia hendaklah mempertimbangkan:

The government needs to address realistically the social characteristics of our existing “working-age generation”: to consider how they are to be developed, shaped, and absorbed into an ever-changing and expanding economy.

What is needed here ... is not just training and instruction simply in particular vocational or technical skills ... What is basic and crucial is the mental and social make-up of the individuals who are inducted into our new industrial training with its rigorous demands (hal. 13).

Ringkasnya, perhatian kita perlulah ditumpukan kepada sosialisasi kemodenan individu umumnya dan sosialisasi pekerjaan dan bukannya kepada pendidikan teknikal dan vokasional semata-mata. Kita perlu meninjau lebih jauh daripada sekadar latihan teknikal yang khusus dan kelulusan kertas untuk kepentingan pekerjaan kini sahaja. Keperluan pekerjaan dan budaya kerja untuk masa hadapan berubah pesat. Dengan itu kita tidak mahu melatih manusia untuk pekerjaan yang tidak lagi wujud pada masa hadapan.

Oleh yang demikian, tumpuan sesuatu strategi pendidikan perlu terarah kepada galakan dan pelaksanaan satu sistem pendidikan yang bukan sahaja praktikal tetapi juga mempunyai nilai-nilai kemanusiaan yang sejajar dengan zamannya dan dengan perubahan yang pesat dari segi sosial, budaya dan teknologi. Ini bererti kita memerlukan sistem pendidikan moden yang tertanam dengan tradisi dan budayanya tersendiri, tidak tiruan dari Barat atau Utara, dan sistem pendidikan ini hendaklah mencukupi bagi memenuhi

kehendak negara dan sosial pada masa hadapan, khususnya seperti yang kita gariskan sendiri dalam Wawasan 2020.

Sesungguhnya sifat dan matlamat sistem pendidikan yang diperlukan adalah jelas, iaitu *satu sistem pendidikan yang berasaskan dan menggalakkan kebolehan berfikir, menganalisis, dan mengubahsuai; dapat bertindak, memberi respon dan merancang secara rasional; boleh berkomunikasi secara berkesan; mempunyai kecekapan teknik dan profesional di samping berpegang teguh dan bangga dengan budayanya sendiri.* Kita memerlukan satu sistem pendidikan yang mampu mengeluarkan para pelajar yang bukan sahaja kuat pengetahuan literasi dan numerasinya, tetapi juga mempunyai keupayaan untuk mengambil inisiatif, tindakan secara autonomous, dan memiliki pemikiran analitis dan komunikasi berkesan.

Lagi sekali jelas bahawa tenaga kerja yang diperlukan oleh negara kini hendaklah mempunyai keterampilan seperti:

... to be able to think, to produce, to act, to adapt, to respond, to cooperate, to show initiative: in short, not just to have life and survival skills, but a mature capacity for thinking and thriving – both as individuals and as members of an organization, a society, and an advancing nation that is constantly facing new challenges and setting for itself new tasks (Anuar Othman 1991: hal. 17).

Kesemua kebolehan tersebut hanya berjaya diperolehi sekiranya sistem pendidikan kebangsaan kita mampu mengeluarkan pekerja yang boleh dilatih, yang bermaksud warga pekerja yang terdidik, yang celik budaya, ahli masyarakat saintifik dan progresif yang cekap, yang inovatif dan yang memandang jauh ke hadapan.

Cabaran pendidikan tersebut ternyata meruncing dan perlu dihadapi dan ditangani secepat mungkin. Persediaan kita agar Malaysia boleh bersaing hebat di peringkat global seharusnya tidak menyebabkan keterasingan generasi Malaysia masa depan daripada warisan budaya mereka sendiri.

Tidak ada projek atau program reformasi pendidikan dan perubahan sosial yang boleh dianggap mencukupi bagi menangani cabaran global jika ia tidak mengambil kira pengubahan diri kita yang sejajar dengan sejarah dan jati diri kebangsaan serta yang berbudaya moden, saintifik dan berkemajuan teknologi. Budaya ini tidak boleh didapatkan semata-mata dengan pinjaman dan pindahan dari luar dan menggantikan budaya yang tersedia ada dari dalam. Sebaliknya, ia perlu dibentuk dan diintegrasikan dengan budaya

yang tersedia ada. Bagaimana ini dapat dilakukan adalah cabaran yang kita hadapi sekarang, iaitu cabaran membentuk satu masyarakat intelek yang berbudaya tinggi dan moden melalui sistem pendidikan kebangsaan kita. Pada akhirnya kita mahukan masyarakat yang kritis keintelikualannya, yakin pada kebolehannya, teguh kerohanianya, serta bertanggungjawab terhadap masyarakat yang bersatu padu melalui kerjasama dan kesefahaman. Kerjasama dan kesefahaman ini tentulah amat penting bagi masyarakat Malaysia yang terdiri daripada berbagai kaum dan fahaman. Ini adalah hasil warisan sejarah kita yang memaksa kita untuk belajar supaya dapat hidup bersama secara kreatif walaupun berbeza, menjadikannya sumber kekuatan dalam menangani perubahan dunia kini.

Dengan yang demikian, nilai budaya dan sosial bagi masyarakat Malaysia dalam abad ke-21 akan berteraskan bukan kepada kemajuan sains dan teknologi yang kosong kandungan moral dan kerohanianya. Ia perlu berasaskan juga sistem moral dan agama yang sifatnya universal dan boleh diterima dan dihormati oleh semua kumpulan etnik. Kesimpulannya, dengan bertapakkan budaya dan tradisi bangsa, generasi akan datang yang dilahirkan oleh sistem pendidikan nasional akan menjadi perintis untuk mencorakkan budaya bangsa seperti yang dicitrakan dalam Wawasan 2020.

6. Implikasi Utama Bagi Agenda Pendidikan: Pendidikan Asas Ke Arah Latihan Khusus.

Analisis di atas menunjukkan bahawa Malaysia memerlukan satu projek reformasi dan pengstrukturran semula sistem pendidikan kebangsaannya, sekiranya ingin mencapai kemajuan yang diidamkan oleh Wawasan 2020, iaitu yang berkehendakkan Malaysia membentuk budaya moden berasaskan sains dan teknologi yang sesuai dengan keadaan, keperluan pembangunan dan keperibadian nasionalnya.

Seruan tersebut bukanlah sekadar berkehendakkan kerajaan menyediakan selengkapnya “hasil keluaran manusia” yang diperlukan oleh negara, tetapi memerlukan satu usaha kerjasama antara semua pihak – kerajaan dan swasta – dalam pelaksanaan sistem pendidikan nasional. Pihak kerajaan bertanggungjawab untuk mengeluarkan bakal pekerja pada semua peringkat yang mempunyai keperluan atas pekerjaan dan boleh bersedia dilatih semula, iaitu mengeluarkan pekerja yang berpendidikan (*educated workers*), yang celik budaya dan lengkap dengan keupayaan dan pengetahuan saintifik, teknikal, komunikasi dan keperluan organisasi moden.

Majikan dalam dunia korporat dan sektor swasta pula perlu sentiasa bersedia melibatkan secara aktif dalam pembangunan sumber manusia

mempertingkatkan kadar dan kecekapan dalam literasi budaya (*cultural literacy*) pelajar-pelajar.

Kajian Malaysia yang dimaksudkan di sini adalah bukan sekadar dari perspektif Malaysia atau perspektif sejarah Malaysia yang konvensional. Malah pengajian Malaysia ini bertunjangkan kaedah perenungan sejarah yang refleksif, iaitu mentaksirkan dengan kepekaan tentang peranan generasi awal menangani cabaran ketika itu dan akibatnya, iaitu bagaimana situasi tersebut menetukan haluan kemajuan atau perkembangan Malaysia, terutamanya pada tarikh “titik-tanda sejarah” seperti 1957, 1970 dan 1990.

Di samping itu dalam bidang kajian ini, pelajar sekaligus akan didedahkan kepada sejarah dunia, hubungan antarabangsa dan hal-hal semasa sebagai kerangka rujukan meneliti sejarah, politik, sejarah sosial dan kesusasteraan Malaysia. Dalam kata lain, pengajian Malaysia dikaji dalam kerangka interdisiplin, meneliti sejarahnya yang klasik dan moden serta kedudukan Malaysia kini dalam arena nasional, serantau dan antarabangsa.

3. Diri Sendiri dan Individu Lain: Pendidikan Moral Ke Arah Pembentukan Budaya Kewarganegaraan (Madani/Civil) dalam Negara-bangsa Malaysia.

Selain dari mempelajari dan mengenali sejarah, hal-hal semasa dan antarabangsa berhubung dengan pembangunan Malaysia, pelajar juga didedahkan kepada pengajian beberapa komponen kurikulum yang bersifat pendidikan moral dan kewarganegaraan. Penekanan pengajian adalah kepelbagaiannya dan kebedaan budaya di Malaysia dan bagaimana perpaduan melalui identiti bangsa Malaysia dan budaya kewargaan moden dapat dibentuk daripada ciri-ciri kepelbagaiannya tersebut.

Terdapat tiga unsur dalam kurikulum pengajian ini, iaitu:

- (i) Setiap pelajar diperlukan mengikuti pengajian tentang latar budaya, peradaban dan keagamaan masing-masing. Kursus atau pengajian ini boleh disampaikan sebagai kurikulum pendidikan nasional di peringkat sekolah atau di luar sistem tersebut mengikut keperluan, sesuai dengan keadaan semasa.
- (ii) Pelajar juga perlu memperoleh satu pengetahuan sejarah dan budaya yang sepunya, guna membentuk satu pemahaman bersama tentang budaya dan agama masing-masing. Tumpuan

kajian ini berbeda daripada pelajaran dalam bahagian (i) di atas yang melibatkan pendidikan doktrinal tentang budaya, agama dan kepercayaan masing-masing kelompok. Malah kajian dalam hal ini bersifat silang-budaya.

- (iii) Semua pelajar, tidak kira apa agama atau kepercayaan rohaniah masing-masing perlu mempelajari bersama satu mata pelajaran “pendidikan moral”. Pendidikan moral tersebut bukan berasingan, memerlukan pelajar mengikuti pengajian agama masing-masing. Perkara tersebut terdapat dalam komponen 3 (ii) di atas. Malah yang dimaksudkan dengan “pendidikan moral” sepunya di sini memerlukan satu subjek atau kursus yang diikuti bersama oleh semua pelajar. Unit kurikulum ini boleh mengambil sebagai bahan pengajaran beberapa nilai moral sejagat daripada pelbagai tradisi agama dan peradaban yang terdapat di Malaysia. Fokus dan sumber utama pengajian ini tentunya terarah kepada beberapa “budaya sivik” (*civic culture*) dan obligasi moral sepunya yang boleh menghubungi semua anggota masyarakat Malaysia menjadi satu komuniti nasional dalam negara-bangsa Malaysia yang moden. Tentunya pendekatan tersebut perlu dipakai guna menekankan perinpentingnya warganegara Malaysia mengenali dan menerima kenyataan bahawa mereka kini sama-sama berkongsi segala cabaran dan takdir masa depan.

8. Pendidikan Asasi Sebagai Teras Sistem Pendidikan Nasional: Memperoleh “Kecekapan-Kemodenan” Melalui Kurikulum Pengajian Umum

Pembentukan keupayaan atau kecekapan-kecekapan moden yang luwes, kukuh dan serba-suai di kalangan generasi muda memerlukan terlebih dahulu pembangunan bakat intelektual dan ciri keperibadian mereka. Penguasaan kepada taraf kemodenan budaya (*a culture of modernity*) dan pembangunan kehidupan masyarakat madani dalam sesbuah negara-bangsa moden sesungguhnya berteraskan pencapaian dan kemajuan menguasai “kecekapan-kemodenan” tersebut di kalangan semua lapisan rakyat.

sosial dan kesaksamaan Wawasan 2020, sistem pendidikan ini juga akan memastikan kesampaian kemodenan budaya dan pembangunan manusia kepada semua pelajar di seluruh negara dan bukannya untuk sesuatu golongan tertentu sahaja.

Keprihatinan kita dalam mengemukakan keadilan sosial sebagai satu komponen yang penting di dalam agenda pembinaan negara-bangsa menuntut kita menerima hakikat berikut:

- (i) *Pendemokrasian pendidikan sebagai alat utama untuk mewujudkan satu bangsa Malaysia yang bersatu padu.*

Matlamat ini hanya dicapai berdasarkan satu asas yang teguh dan bukannya asas yang terpecah-pecah. Satu bangsa yang tidak menghayati keadilan sosial adalah bangsa yang dibentuk berdasarkan ketaksamaan dan perasaan irihati yang bersifat berpecah-belah. Perpaduan negara hanya boleh tercapai melalui sistem pendidikan kebangsaan yang demokratik, iaitu komited terhadap usaha menjamin keadilan sosial melalui kesampaian peluang pendidikan kepada semua lapisan masyarakat.

- (ii) *Pendemokrasian dan penggunaan Bahasa Melayu dalam Sistem Pendidikan Nasional .*

Perkaitan di atas hanya akan terjadi jika bahasa Melayu benar-benar digunakan sebagai bahasa pengantar bagi semua warga di negara ini. Dengan penggunaan bahasa Melayu yang menyeluruh dan berterusan di dalam satu sistem pendidikan, dunia sosio-budaya Melayu akan dipermoden dan di transformasikan. Jika tidak, lingkungan sosial Melayu akan menjadi satu kantungan yang terpinggir dan terpisah daripada arus perdana kemodenan manusia dan budaya. Kesampaian kemodenan budaya dan kemanusiaan yang terhad kepada segelintir penduduk dan tidak melibarkan semua tentunya akan mengakibatkan keterpisahan mereka daripada zon budaya dunia moden. Justeru itu, ia akan memberi kesan buruk terhadap pencapaian matlamat keadilan sosial dan perpaduan negara.

9.2 *Satu Sistem, Satu Dasar dan Satu Kurikulum Pendidikan*

Sistem pendidikan kita masih tidak bersepada atau terpecah-pecah. Ia mengandungi beberapa aliran yang berbeza. Ada yang boleh dikenalpasti mengikut kegunaan bahasa pengantar (sekolah kebangsaan dan jenis kebangsaan) dan ada yang mengikut identiti budaya atau ciri-ciri keagamaan (seperti sekolah pondok). Aliran pendidikan yang berbeza ini, yang mengikut arah yang tidak sama, tentunya tidak sealiran dengan tuntutan ke arah perpaduan negara.

Aliran pendidikan yang berbagai dan berbeza ini perlu dikonsolidasi dan secara terancang beransur-unsur disatukan. Proses ini dijalankan bukan melalui peraturan pentadbiran yang serta merta dan penglibatan kerajaan secara terus dalam pengurusan sekolah tempatan atau penggunaan sebarang sistem kawalan ketat terhadap kewangan atau belanjawan yang bertujuan menjadikannya di bawah kawalan tidak langsung birokrat. Sebaliknya rancangan ini hendaklah dilakukan melalui *pembentukan satu kurikulum induk atau penyatuan kurikulum* yang bertunjangkan kepada kecekapan-kemodenan untuk semua pelajar.

Seperti yang dinyatakan di atas pelajar-pelajar daripada semua aliran pendidikan mesti diberikan kesampaian yang efektif mengenai budaya moden dan kecekapan-kemodenan. Penyediaan kesampaian kemodenan hendaklah dilaksanakan kepada semua pelajar. Sekiranya peluang ini terhad kepada sebahagian pelajar sahaja, pencapaian matlamat keadilan sosial akan tergugat. Ini adalah tidak demokratik. Tambahan pula ia akan menimbulkan konflik dan keretakan sosial yang menghalang perpaduan negara dan prospek untuk mencapainya. Pencapaian matlamat perpaduan nasional dan keadilan sosial memerlukan komitmen yang demokratik di dalam sistem pendidikan nasional.

Seiring dengan itu tidak perlu diwujudkan aliran sains tabii yang berasingan di peringkat sekolah rendah hingga menengah. Sebaliknya, dicadangkan pendekatan ilmiah moden yang rasional lagi analitis (jaitu, yang sering wujud dalam bentuk yang paling formal dalam bidang sains tabii) dikekalkan terus dalam kurikulum asas atau induk sama ada di peringkat pengajian rendah atau tinggi. Keperluan pengkhususan, terutamanya di kalangan pelajar yang mempunyai bakat atau kecenderungan (aptitude) dalam aliran sains, boleh diperoleh melalui kaedah elektif tambahan (add-on electives) bagi pelajar-pelajar tersebut. Pengasingan mereka dalam aliran tersendiri dan khusus di peringkat awal tidak disyorkan kerana mereka diperlukan mengikuti pendidikan dalam satu aliran umum seperti yang diuraikan dalam Bahagian 6, 7 dan 8 di atas.

9.3. Peripentingnya Kemahiran Dalam Bahasa Tambahan dan Bahasa Antarabangsa Berdasarkan Kecekapan dan Keutuhan Dalam Bahasa Kebangsaan.

Untuk menjadi lebih kompetitif di peringkat global dan mendapatkan kesampaian yang optimum dalam ekonomi global dan budaya kosmopolitan yang moden, rakyat Malaysia perlu menguasai bahasa-bahasa asing di samping mengantarabangsakan bahasa kebangsaan kita sendiri.

Sistem pendidikan nasional patut menggalakkan rakyat sedapat mungkin memperolehi kemahiran tambahan di dalam berbagai bahasa antarabangsa. Walaupun demikian kemantapan dasar kebangsaan untuk membina negara-bangsa memerlukan pengembangan satu bahasa kebangsaan. Selain itu, hasil penyelidikan dalam bidang bahasa mendapati penguasaan sesuatu bahasa utama (seperti Bahasa Melayu di Malaysia) merupakan asas yang kukuh untuk memupuk perpaduan negara dan memperoleh kemahiran, termasuk keupayaan menyatakan pemikiran rasional secara jelas dan tersusun dalam bahasa tambahan.

Dasar Pendidikan Nasional mesti memberi keutamaan kepada penguasaan bahasa Melayu di kalangan semua pelajar sebagai asas di peringkat kolektif untuk mewujudkan satu budaya kebangsaan dan bangsa yang bersatu padu, dan di peringkat individu pula sebagai asas bagi kejayaan memperoleh kemahiran bahasa antarabangsa yang berbagai dan kosmopolitan.

Sistem pendidikan Malaysia perlu cukup tinggi mutunya hingga, dalam jangka panjang, dapat menarik pelajar-pelajar asing menuntut di negara ini dan sekali gus membuatkan bahasa Melayu sebagai bahasa dunia yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

9.4. Pendidikan Melalui Kecekapan-Kemodenan, Bukan Sekadar Memperoleh Keterampilan/Kemahiran Khusus Sahaja.

Dalam konteks dasar nasional, pendidikan perlu difahami sebagai alat pembentukan sikap, keupayaan dan pengetahuan umum, iaitu apa yang dikenali di sini sebagai kecekapan-kemodenan. Ia bukanlah kemahiran khusus tetapi satu keupayaan umum dan sifat-sifat manusia moden yang membolehkan individu, di dalam dunia yang berubah dengan pantas dan ketidakpastian, memperoleh kemahiran-kemahiran khusus -- profesional, vokasional, sosial atau juga budaya. Kemahiran khusus tersebut diperlukan untuk membolehkannya menjadi ahli masyarakat yang berkesan, cekap, mengambil bahagian dan menyumbang kepada pembangunan negara. Kecekapan-kemodenan perlu dilihat sebagai wahana bagi menyediakan semua bentuk latihan khusus (termasuk kemahiran semula lanjutan serta kemahiran seumur hidup yang berterusan) dan juga penyertaan sosial yang berkesan.

9.5. Pendidikan Kecekapan-Kemodenan Sebagai Teras Latihan dan Keterampilan Seumur Hidup Secara Berterusan.

Implikasi yang jelas di sini ialah sistem pendidikan nasional dan institusi-institusi pendidikan mestilah lebih prihatin untuk menyediakan asas

pendidikan umum dalam kecekapan-kemodenan berdasarkan asas yang seluas mungkin dan mengikut keupayaan serta potensi individu. Institusi-institusi dalam sistem pendidikan nasional termasuk semua IPT, sepatutnya menyediakan pendidikan gunaan yang umum ini. IPT tidak sepatutnya dilihat sebagai "institusi latihan terakhir". Dalam abad ke-21, majikan di kedua-dua sektor awam dan swasta akan menentu dan menyediakan input latihan yang sesuai kepada pekerja-pekerjanya. Mereka menjadikan latihan asas dan peningkatan kemahiran yang berterusan melalui kursus induksi dan kursus dalam perkhidmatan di samping pembangunan professional yang lebih luas. Ini bererti bahawa sistem pendidikan yang berteraskan kecekapan-kemodenan mestilah mampu menyediakan pelajar yang berkeupayaan menyeluruh dan boleh membuat penyesuaian tertentu di sepanjang hidupnya.

9.6. Kecekapan-kemodenan Sebagai Teras dan Sasaran Sistem Pendidikan Nasional

Keseluruhan analisis di sini menunjukkan bahawa fungsi utama pendidikan nasional adalah sebagai alat pemupukan optimum kecekapan-kemodenan secara ekstensif di peringkat sosial dan intensif di tahap individu. Sistem Pendidikan Nasional berkehendakkan supaya pemupukan kecekapan-kemodenan ini dilaksanakan secara menyeluruh. Ia tidak boleh dilihat sebagai satu obligasi hanya kepada aliran utama dalam sistem pendidikan negara. Sebaliknya ia hendaklah menjadi teras yang bermatlamat menyatukan seluruh sistem pendidikan nasional dan kurikulumnya di setiap peringkat. Ia meliputi pendidikan rendah, menengah dan tinggi termasuk latihan asas, latihan kemahiran lanjutan dan pendidikan sepanjang hayat.

9.7. Kecekapan-Kemodenan Sebagai Teras Mencapai Kecemerlangan

Rakyat Malaysia perlu berusaha mencapai kecemerlangan dalam semua segi kehidupan. Walaupun kecemerlangan ini tidak mungkin diperoleh dalam jangka masa pendek, sesuatu masyarakat mesti bercita-cita untuk mencapai kecemerlangan. Kecemerlangan ini mestilah berteraskan kecekapan yang bersifat menyeluruh, umum dan universal, iaitu peningkatan dalam tahap kemajuan dan kepesatan dalam proses penyebaran pengetahuan dan kemahiran kepada seluruh ahli masyarakat semungkinnya, bukan kepada golongan-golongan tertentu atau yang elitis sahaja. Asas yang penting untuk mencapai matlamat kecemerlangan ini adalah pemupukan dan penggalakan kecekapan-kemodenan dan penggunaannya oleh seluruh ahli masyarakat di dalam segala usaha yang berfaedah. Sekali gus, ia juga merupakan pencapaian yang signifikan dan bernilai bukan saja kepada individu tetapi juga kepada pencapaian matlamat kesampaian, keadilan sosial dan integrasi nasional yang berterusan.

9.8. Kecekapan-Kemodenan Sebagai Asas Kewarganegaraan Malaysia

Pemupukan kecekapan-kemodenan bukan saja berguna sebagai tema utama tetapi juga bertindak sebagai alat untuk mencapai matlamat penyatuan sistem pendidikan nasional moden. Berdasarkan pengetahuan kecekapan-kemodenan yang diperolehi melalui sistem pendidikan tersebut warga moden akan terlatih untuk mencari jalan secara berterusan bagi memanifestasikan keupayaan kemodenannya di dalam seluruh aktiviti kehidupannya dan tidak terhad kepada aktiviti pekerjaan formalnya sahaja. Warga moden adalah rasional, suka berfikir, boleh dipercayai, seorang yang cekap dalam pekerjaannya, bekerjasama dan bertimbang rasa sama ada sebagai kawan atau ketua di tempat kerja, bertanggungjawab dan cekap sebagai ahli keluarga dan di kalangan sanak saudaranya. Warga moden juga adalah penyayang dan menganggotai berbagai kumpulan sosial yang berkesan dan membina termasuk kumpulan bercorak komuniti, profesional, pendidikan, sukan dan kebajikan sosial. Beliau juga prihatin dan beretika dari sudut kemanusiaannya sebagai anggota masyarakat yang cekap (Bangsa Malaysia) di samping berdisiplin, berilmu, bertingkah laku mulia dari sudut keagamaan dan moral.

9.9. Kecekapan-Kemodenan Sebagai Komponen Utama Kurikulum Pendidikan Nasional

Pada masa ini terdapat perubahan dasar dalam tempoh pengajian bagi kursus ijazah di peringkat universiti dan tumpuan kurikulum terhadap penyampaian dan penerimaan maklumat yang dikatakan relevan dan bersifat gunaan untuk masa ini dari segi profesional dan vokasional. Walaupun demikian pemupukan kecekapan-kemodenan yang umum perlu dilakukan terhadap semua pelajar sebagai teras kepada apa-apa bidang pengkhususan yang diikuti di peringkat universiti. Asas ini perlu disediakan bukan saja dalam semua kurikulum pendidikan rendah dan menengah sehingga keperingkat universiti tetapi juga dalam semua kursus ijazah di universiti dan IPT. Implikasi daripada perbincangan di sini ialah kita perlu menyediakan kursus asas yang bersifat umum dalam bidang kecekapan-kemodenan tanpa mengira tempoh pengajian. Secara idealnya kursus asas yang sama di peringkat universiti atau pra-universiti meliputi kajian formal secara ilmiah dalam 3 bidang utama (kejelasan pemikiran dan pernyataan, kajian Malaysia dalam konteks dunia dan kewarganegaraan dalam masyarakat Malaysia) dan juga termasuk komponen perkhidmatan sosial yang diwajibkan. Dalam aktiviti sedemikian (misalnya projek gotong royong untuk membersih dan memulihkan persekitaran bandar yang berhampiran atau memberi bantuan dan perkhidmatan kepada warga tua) pelajar-pelajar bukan sahaja diajar makna dan implikasi kewarganegaraan tetapi juga mendapat peluang untuk mempraktikkannya. Latihan perintis dalam kewarganegaraan dan penglibatan

sosial yang membina ini seharusnya terkandung dalam kurikulum pendidikan moral dan kenegaraan.

Pada masa ini ada kemungkinan pengajian asas yang sama bagi semua pelajar sebagai sebahagian daripada kursus pengajian di peringkat ijazah di universiti dan IPT tidak boleh dilaksanakan. Dalam keadaan ini sekurang-kurangnya pertimbangan patut diberikan untuk mewujudkan skim yang serupa di peringkat pra-universiti yang menghubungkan kurikulum pendidikan menengah dan tinggi. Tetapi jika dasar kerajaan sekarang dan pada masa depan tidak membenarkan pelaksanaan kurikulum kecekapan-kemodenan sama ada sebagai kursus asas yang sama di dalam struktur pendidikan universiti yang formal di peringkat ijazah atau pun dalam bentuk kursus persediaan pra-universiti, implikasi alternatifnya adalah jelas. Tanpa menjadikan kursus kecekapan-kemodenan sebagai sebahagian daripada atau persediaan kepada pendidikan tinggi akan menjadikannya lebih penting di mana pemupukan kecekapan-kemodenan tersebut mesti menjadi struktur dan tema utama serta matlamat bagi menyatukan keseluruhan kurikulum pendidikan nasional di peringkat rendah dan menengah kerana ini merupakan satu-satunya asas pengetahuan yang akan dipelajari oleh pelajar untuk memasuki universiti dan lain-lain IPT (sama ada awam atau pun swasta).

9.10. Pembentukan Pendekatan di IPT

Dalam konteks keperluan kemodenan yang semakin meningkat, kerajaan di mana-mana sekali pun sedang menghadapi pertambahan permintaan bukan saja daripada segi kuantiti tetapi juga kualiti dan kecanggihan bentuk pendidikan yang ditawarkan. Kerajaan berpendapat bahawa ia tidak berupaya untuk menanggung sepenuhnya kos pendidikan secara berterusan. Pandangan ini agak mendukacitakan setengah pihak kerana pada prinsipnya pendidikan rakyat adalah tanggungjawab kerajaan. Kini pihak kerajaan mendakwa bahawa prinsip di atas adalah tidak realistik dan ia perlu diganti dengan suatu sistem pembentukan pendidikan yang baru misalnya melalui pembayaran yuran atau pinjaman yang perlu dibayar balik sebahagian atau sepenuhnya.

Asas moral dan rasional ekonomi sistem baru ini terletak kepada konsep ‘pengguna-bayar’ bagi perkhidmatan dan faedah yang didapati. Prinsip ini jika diguna pakai dalam pendidikan tinggi di Malaysia akan membawa implikasi yang besar. Ia bukan saja dari sudut kedapatan balik kos tetapi juga dari aspek keadilan sosial dan kesaksamaan dalam masyarakat Malaysia serta usaha yang berterusan ke arah pembentukan negara-bangsa Malaysia yang kuat dan bersatupadu.

Di bawah pendekatan ini perhatian sistem pendidikan nasional di semua peringkat akan tertumpu kepada pembangunan individu secara keseluruhan dalam usaha mempertingkat daya pengeluaran ekonomi ke tahap optimum dan memupuk watak setiap rakyat Malaysia. Tetapi individu-individu tersebut melalui keupayaannya mendapat pekerjaan dan kemahiran pekerjaan merupakan salah seorang daripada penerima faedah sistem pendidikan nasional. Dalam hal ini penerima faedah utama bukan individu itu sendiri sebagai ‘pelakon ekonomi’ atau pemilik kemahiran pekerjaan tertentu. Sebaliknya penerima faedah utama adalah ekonomi negara yang berkembang pesat dan negara Malaysia secara keseluruhan di mana individu-individu berkenaan merupakan tenaga kerja yang produktif.

Usaha mewujudkan satu bangsa Malaysia adalah cabaran utama wawasan 2020. Sistem pendidikan nasional seperti yang dibincangkan di atas memainkan peranan penting untuk mencapai matlamat tersebut. Ini bermakna tujuan utama sistem pendidikan nasional yang di institusikan bukan sekadar untuk memberi manfaat hanya kepada individu-individu sebagai ‘pelakon ekonomi’ tetapi lebih penting daripada itu untuk mewujudkan negara-bangsa itu sendiri.

Berdasarkan pandangan bahawa negara dan bukannya individu sebagai penerima utama faedah daripada perkhidmatan yang diberikan oleh sistem pendidikan nasional, maka negara itu sendiri iaitu kerajaan yang memerintah sepatutnya meneruskan tanggungjawabnya memberi pendidikan kepada rakyat dan membayai sebahagian besar kos pendidikan tersebut. Tambahan pula beberapa cabaran Wawasan 2020 seperti mewujudkan masyarakat yang adil dan saksama serta objektif untuk memantapkan perpaduan nasional memerlukan halangan-halangan terhadap kesampaian sosial dan penyertaan rakyat dalam pembangunan di atasi. Langkah-langkah mencapai matlamat tersebut menuntut kerajaan memilih dasar yang membawa kepada haluan yang sama.

Oleh itu kerajaan pusat mesti menjadi penyedia/pembekal utama infrastruktur dan kemudahan pendidikan serta alat bagi warga Malaysia untuk menerima peluang dan bantuan demi memudahkan kesampaian pendidikan kepada mereka. Kita perlu pastikan bahawa perkembangan IPT swasta tidak mengatasi perkembangan IPT awam.⁶

Sebarang sistem pembiayaan pendidikan terutamanya pendidikan tinggi yang melibatkan pembayaran yuran yang tinggi akan memberi kesan kepada pelajar daripada golongan yang berpendapatan rendah. Mereka akan terlepas daripada peluang mendapatkan pendidikan dan pembangunan

⁶ Konsep IPT awam di sini termasuk bukan sahaja universiti-universiti tempatan pada masa ini tetapi juga, universiti dan kolej swasta yang dimiliki Kerajaan seperti Telekom, Tenaga Nasional dan Petronas.

manusia yang berkaitan. Skim yang demikian akan memberi kesan buruk terhadap usaha menjamin keadilan sosial di dalam masyarakat Malaysia. Ia juga akan mewujudkan perbezaan yang boleh mengganggu atau melambatkan pencapaian matlamat perpaduan negara. Sebarang yuran atau skim pinjaman yang membebankan pelajar-pelajar di IPT akan melemahkan sistem pendidikan kebangsaan sebagai alat utama untuk membentuk negarabangsa yang bersatu padu.

Demi memenuhi hasrat perpaduan, kerajaan mesti terus memikul tanggungjawab kewangan yang utama untuk membangun kemudahan pendidikan tinggi dan menjamin kesampaian yang saksama kepada semua rakyat Malaysia.

9.11. Pengkorporatan universiti

Sistem pendidikan yang benar-benar bersifat nasional dan demokratik adalah satu sistem yang dapat memastikan ciri-ciri sistem akademik, nilai dan integriti dikekalkan serta di perkukuhkan dan bukan diganggu gugat, sungguh pun dasar-dasar khusus seperti pengkorporatan, pengswastaan dan komersil dilaksanakan dari masa ke semasa.

Pelaksanaan dasar pengkorporatan mempunyai implikasi yang luas terhadap sistem pendidikan nasional terutamanya sektor pendidikan tinggi dimasa depan dalam pelbagai bidang termasuk kurikulum, dasar kakitangan dan pengurusan universiti. Untuk mengekal, memantap dan mempertingkat kedudukan IPT kita di peringkat antarabangsa terutama dalam era di mana Malaysia ingin menjadi pusat kecemerlangan pendidikan tinggi di peringkat serantau, sifat kesarjanaan dan integriti akademik di setiap universiti di Malaysia dan seluruh sistemnya mestilah terus menerus di pertingkatkan.

Bagaimana matlamat ini boleh dicapai merupakan cabaran kepada pihak kerajaan, perancang dasar pendidikan, ahli-ahli majlis universiti (atau Lembaga Pengarah), pentadbir dan kakitangan akademik. Mereka mesti menangani hal ini secara bersama. Negara tidak akan berjaya menangani cabaran ini jika dalam proses pengkorporatan ini ahli akademik universiti dipinggirkan dan dilemahkan peranan serta kedudukannya.

10. Ringkasan Cadangan

Malaysia di akhir abad ke-20 dan di awal abad ke-21 boleh mencapai matlamat perpaduan negara hanya melalui pembentukan negara moden atau komuniti kebangsaan. Hasrat ini boleh terlaksana melalui

pengwujudan budaya moden sebagai budaya kebangsaan. Pembentukan budaya moden ini melibatkan penyertaan seluruh masyarakat dan tidak terhad kepada golongan atasan saja di dalam kehidupan moden. Proses ini akan melahirkan warga Malaysia moden. Pencapaian matlamat ini memerlukan:

- (i) penerusan usaha membentuk budaya kebangsaan moden bukan melalui pengimportan atau penyaduran tetapi melalui transformasi di dalam aliran perdana budaya kebangsaan yang sedia ada, dan
- (ii) penerusan pemupukan kecekapan-kemodenan di dalam kerangka budaya tersebut dan melalui satu sistem pendidikan nasional, untuk generasi akan datang.

Oleh itu Dasar Pendidikan Nasional kita yang perlu memenuhi matlamat Wawasan 2020 serta aspirasi sosialnya demi mewujudkan negara makmur hendaklah disertai oleh pembentukan masyarakat moden yang sejahtera lagi bersatu padu.

Cadangan Strategi Pendidikan bagi mencapai matlamat di atas dikhususkan kepada empat komponen seperti berikut:

- (i) Pembinaan negara-bangsa dan pendemokrasian pendidikan
- (ii) Pendidikan untuk pembangunan sumber manusia
- (iii) Pendidikan aliran agama dan pendidikan tak formal
- (iv) Pengurusan dan pembiayaan pendidikan tinggi

10.1 *Strategi Pembinaan Negara-bangsa dan Pendemokrasian Pendidikan*

- 10.1.1 Mewujud satu sistem pendidikan nasional yang induk/bersepadu berteraskan perpaduan negara-bangsa dengan penggunaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar.
- 10.1.2 Mewujudkan satu kurikulum asasi/induk bagi semua aliran, iaitu pembentukan kurikulum kecekapan-kemodenan yang bersepadu dan tersusun.
- 10.1.3 Menjadikan kecekapan-kemodenan sebagai komponen utama dalam sistem pendidikan nasional di semua peringkat pendidikan dan mempertingkatkan kaedah pengajaran dan pembelajarannya.

- 10.1.4 Menjadikan kemahiran/kecekapan-kemodenan umum sebagai asas untuk menyediakan semua bentuk latihan khusus kepada semua pelajar.
- 10.1.5 Mewujudkan pengajian umum berteraskan kurikulum baru (termasuk kurikulum kecekapan-kemodenan) sebagai pengajian asas bagi semua kursus ijazah.
- 10.1.6 Memantap kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di samping mempertingkatkan pengajaran dan pembelajarannya di semua peringkat pendidikan
- 10.1.7 Memberi penekanan khusus (melalui kemudahan, perguruan, kaedah pengajaran, silibus, dsb. yang mencukupi dan berkesan) kepada Bahasa Inggeris sebagai bahasa tambahan di samping menggalakkan penggunaan bahasa-bahasa asing yang lain, tanpa sama sekali menggugat keutuhan bahasa kebangsaan. Dalam jangka panjang Bahasa Melayu harus digerakkan ke arah mencapai taraf sebagai salah satu daripada Bahasa Dunia.
- 10.1.8 Menyediakan saluran sistem pendidikan formal dan tak formal supaya berjalan selari di samping mempunyai keluwesan yang membolehkan seseorang pelajar itu berpindah dan meneruskan pengajian daripada satu saluran kepada saluran yang lain dengan mudah.
- 10.1.9 Menyedia lebih cepat dan lebih banyak prasarana pendidikan (seperti bilik darjah, bangku dan meja, kemudahan elektrik serta kemudahan komputer) di kawasan-kawasan yang masih ketinggalan, terutamanya di luar bandar. Kemudahan-kemudahan yang diperlukan harus disediakan untuk menjamin peluang kesampaian pendidikan bukan sahaja dari segi kuantiti tetapi juga kualiti, termasuk kemudahan guru yang terlatih dan persekolahan satu sesi.
- 10.1.10 Mewajibkan pendidikan rendah dan menengah kepada semua kanak-kanak dalam lingkungan umur di kedua-dua tahap tersebut.
- 10.1.11 Memperbanyak sekolah berasrama penuh dan memberi keutamaan kepada kanak-kanak miskin, terutama dari luar bandar.

- 10.1.12 Mempertingkatkan kemudahan latihan guru dan mempastikan guru yang terlatih di hantar ke sekolah yang lebih diperlukan.
- 10.1.13 Mempergiat usaha terjemahan terutama maklumat terkini ke dalam Bahasa Melayu bagi menjamin pemindahan ilmu dengan segera.

10.2 *Strategi Pendidikan Untuk Pembangunan Sumber Manusia*

- 10.2.1 Mewujud skim pembangunan dan perkhidmatan tenaga pengajar yang lebih menarik dan berdaya asing.
- 10.2.2 Mewujud skim perkhidmatan teknikal dan profesional yang mengurangkan jurang ganjaran kewangan di antara kelayakan sijil ke bawah dengan kelayakan yang lebih tinggi.
- 10.2.3 Menggalakkan pendidikan lanjutan dalam perkhidmatan dengan penekanan terhadap pembaharuan teknikal. Ini memerlukan skima pengumpulan kredit latihan yang diambil kira di dalam pemajuan kerjaya di samping mengiktiraf pengalaman bekerja dan kemahiran ‘hands-on’ sebagai kredit program pengajian.
- 10.2.4 Mengiktiraf kelulusan sijil matrikulasi
- 10.2.5 Mengintegrasikan bidang aliran sains, teknologi dan sastera. Ini boleh dilakukan melalui pewujudan kurikulum induk/asasi bagi semua aliran (Rujuk cadangan 10.1.1 hingga 10.1.5)
- 10.2.6 Mempertingkat kuantiti dan kualiti pelajar bumiputera dalam bidang sains dan teknologi (S & T) melalui langkah-langkah berikut:
 - (a) memperbaiki sistem ganjaran bagi kelulusan S & T
 - (b) mempertingkat minat di kalangan pelajar-pelajar S & T
 - (c) mengkaji semula kurikulum dan pedagogi mata pelajaran Matematik di peringkat KBSM dan kualiti guru Matematik.
- 10.2.7 Mewujud satu badan pemantauan dan pengawalan mutu pendidikan di semua institusi swasta, yang dianggap tidak terpusat di bandar-bandar besar sahaja tetapi tersebar meluas di seluruh negara.

- 10.2.8 Menyusun semula latihan perguruan dan latihan semula guru-guru dalam perkhidmatan yang berkaitan secara berterusan termasuk penyediaan kursus dan kandungan kursus baru.
- 10.2.9 Menyedia bahan pengajaran secara komprehensif dan tersusun di semua peringkat pendidikan dan di seluruh negara.
- 10.2.10 Menggalakkan kemahiran dalam bahasa tambahan dan bahasa-bahasa antarabangsa dengan penyediaan kemudahan dan kaedah yang terkini dan mencukupi.

10.3 *Segi Pengurusan dan Pembiayaan Pendidikan Tinggi*

- 10.3.1 Mengkaji semula secara mendalam peranan universiti dan sifat-sifat pendidikan universiti termasuk pertimbangan semula kurikulum pengajian ijazah di universiti dalam konteks pemupukan kecekapan-kemodenan.
- 10.3.2 Mempertingkat keupayaan IPT dalam menyediakan peluang pendidikan dan memperkenal berbagai jurusan baru kepada khalayak ramai di peringkat ijazah dan diploma.
- 10.3.3 Mengekal peranan IPT untuk menyediakan pendidikan gunaan yang umum dan bukan menjadi institusi latihan terakhir.
- 10.3.4 Menyusun semula struktur dan pendekatan pengurusan IPT sektor awam supaya berupaya menangani tujuan-tujuan akademik dan aktiviti menjana hasil. Pemisahan fungsi akademik dan penjanaan hasil ini penting untuk menjamin mutu ilmiah IPT tidak terjejas.
- 10.3.5 Memastikan keanggotaan Majlis IPTN terdiri daripada sebahagian besarnya golongan akademik.
- 10.3.6 Memastikan jawatan penting dalam pengurusan akademik di IPT dipegang oleh tokoh-tokoh akademik yang berwibawa.
- 10.3.7 Memastikan nisbah enrolmen yang wajar antara IPTA dan IPTS. Untuk menjamin kewibawaan universiti tempatan, jumlah kemasukan pelajar IPT awam mestilah pada kadar kira-kira 60% dan swasta 40%.

- 10.3.8. Memastikan keperluan program pengajian dan kualitinya tidak dikawal sepenuhnya oleh kehendak pasaran demi menjaga keutuhan keilmuan. Kualiti pendidikan di sekolah-sekolah juga perlu diselaraskan.
- 10.3.9 Meneruskan tanggungjawab sosial kerajaan dari segi penyediaan kemudahan infrastruktur dan pembiayaan sebahagian besar kos pendidikan dan penyelidikan.
- 10.3.10 Menyediakan skim tertentu bagi mengatasi masalah kewangan pelajar miskin.
- 10.3.11 Memberi pelepasan cukai kepada sumbangan untuk pembiayaan universiti dan sekolah.
- 10.3.12 Memberi pelepasan cukai pendapatan untuk membiayai pendidikan ahli keluarga di sekolah menengah dan IPT dalam negeri.

10.4 *Strategi Pendidikan Aliran Agama dan Pendidikan Tak Formal*

- 10.4.1 Memperluaskan lagi peluang pendidikan aliran agama di peringkat menengah dan IPT – menuju lebih banyak lagi sekolah menengah dan IPT Islam bagi menampung pertambahan permintaan daripada sekolah aliran tersebut. Walau bagaimanapun semua sekolah tersebut perlu memakai kurikulum kecekapan-kemodenan yang seragam.
- 10.4.2 Memperluas dan mempersuai pengisian kurikulum semua sekolah aliran agama (Islam) dengan Dasar Pendidikan Nasional yang dicadangkan dan matlamat Wawasan 2020.
- 10.4.3 Mempertingkat kemudahan infrastruktur pendidikan aliran agama termasuk mewujudkan pusat latihan guru yang diiktiraf di peringkat negara
- 10.4.4 Mewujudkan skim perkhidmatan perguruan yang tunggal dan berdaya saing.
- 10.4.5 Mengintegrasikan secara beransur-ansur sistem pendidikan agama dengan Pendidikan Kebangsaan sebagai matlamat akhir Dasar Pendidikan Nasional.

Lampiran I**WAWASAN 2020: SEMBILAN CABARAN ASASI YANG STRATEGIK**

Malaysia Sebagai Negara Yang Benar-benar Maju - Satu Definisi

Menjelang tahun 2020, Malaysia boleh menjadi sebuah negara yang bersatu padu, dengan masyarakat Malaysia mempunyai rasa keyakinan diri, ditunjangi oleh nilai-nilai moral dan etika yang utuh, menikmati kehidupan dalam sebuah masyarakat yang demokratis, liberal lagi bertolak-ansur, berbudi, adil dan saksama ekonominya, progresif dan makmur, dan sepenuhnya menguasai ekonomi yang mampu bersaing, dinamis, tangkas serta mempunyai daya ketahanan.

Malaysia yang benar-benar maju tidak akan kunjung tercapai sehingga kita akhirnya kelak dapat mengatasi sembilan cabaran asasi yang strategik yang telah kita hadapi sejak negara ini lahir sebagai sebuah negara merdeka.

- **Cabaran pertama** adalah membentuk sebuah negara bangsa yang bersatu padu serta menyambung masa hadapan yang diperkongsi bersama. Bangsa itu mestilah sejahtera, terintegrasi wilayah-wilayah dan kelompok-kelompok etniknya, menikmati kehidupan bersama yang sepenuhnya berasaskan persamaan hak dan keadilan, membentuk sebuah “Bangsa Malaysia” dengan rasa taat setia dan pengabdian yang tidak berbelah bagi terhadap bangsa tersebut.
- **Cabaran kedua** adalah melahirkan sebuah masyarakat Malaysia yang bebas, teguh dan telah terbentuk jiwanya, yakin akan dirinya sendiri, bangga akan keadaannya kini dan segala sesuatu yang telah dicapainya, dan cukup tangkas untuk menghadapi segala macam rintangan. Masyarakat Malaysia itu mestilah mempunyai sifat-sifat mengejar kecemerlangan, benar-benar menyedari segala kemungkinan dirinya, tidak terkongkong jiwanya, dan dihormati pula oleh semua bangsa lain.
- **Cabaran ketiga** yang senantiasa kita hadapi adalah cabaran membentuk dan memperkembang sebuah masyarakat demokratis yang matang, yang mengamalkan suatu bentuk demokrasi Malaysia yang unggul, berasaskan muafakat dan musyawarah, dan dapat pula dicontohi oleh negara-negara membangun lainnya.
- **Cabaran keempat** adalah membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya, dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh, dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur.
- **Cabaran kelima** yang terus menerus kita hadapi adalah membentuk sebuah masyarakat matang yang bersifat liberal lagi toleran, dengan setiap warga bangsa Malaysia, tanpa mengira keturunan maupun

kepercayaannya, bebas mengamalkan dan melaksanakan adat resam, kebudayaan serta kepercayaan agamanya masing-masing, tanpa merasa tersisih daripada bangsa tersebut.

- **Cabaran keenam** adalah membentuk sebuah masyarakat yang bersifat sains serta progresif, berdaya cipta dan berpandangan jauh ke hari muka, yakni sebuah masyarakat yang bukan sahaja dapat memanfaatkan teknologi kini tetapi turut menjadi penyumbang terhadap pembentukan peradaban sains dan teknologi pada masa hadapan.
- **Cabaran ketujuh** adalah membentuk sebuah masyarakat berbudi dan berbudaya penyayang, sebuah sistem sosial yang lebih mementingkan masyarakat daripada diri sendiri, dengan kebajikan rakyat tidak diasaskan pada negara mahupun individu, tetapi pada sistem kekeluargaan yang kukuh lagi mantap.
- **Cabaran kedelapan** adalah menjamin terbentuknya sebuah masyarakat yang adil ekonominya. Masyarakat itu akan menjamin pengagihan kekayaan negara secara adil lagi saksama, dengan kemajuan ekonominya dinikmati bersama oleh setiap rakyat. Masyarakat yang demikian tidak akan terbentuk selagi terdapat penentuan furgsi ekonomi berdasarkan kaum dan pemusatan kemunduran ekonomi kepada kelompok-kelompok kaum yang tertentu.
- **Cabaran kesembilan** adalah membentuk sebuah masyarakat yang makmur, dengan ekonomi yang mampu menghadapi persaingan, bersifat dinamis, tangkas dan mempunyai daya ketahanan.

Banyak yang telah kita capai dalam usaha melaksanakan matlamat-matlamat tersebut. Sembilan objektif utama ini tidaklah semestinya tersenarai menurut urutan keutamaan kita bagi tiga dasarwarsa yang akan datang. Nyatahalah bahawa keutamaan bagi sesuatu titik waktu tertentu perlu disasarkan pada keadaan khusus zaman itu sendiri.

Namun demikian, amatlah besar kemungkinannya bahawa cabaran strategi pertama yang dikemukakan itu - yakni pembentukan bangsa Malaysia yang bersatu padu – akan merupakan cabaran paling utama dan paling asasi. Ia boleh dilahirkan melalui kebudayaan dan moraliti kenegaraan yang melampaui batasan serta hambatan kepelbagaiannya bahasa, kebudayaan dan agama, juga melalui penyesuaian dan permuafakatan berbagai kaum serta unsur-unsur lain kemakmuran manusia.

Lampiran II**MASYARAKAT MADANI (CIVIL SOCIETY)**

Perkataan *din* (yang berasal dari bahasa Arab) dan perkataan-perkataan lain yang terkait dengannya mempunyai makna yang luas. Din (kehidupan yang benar dan mengikut lunas undang-undang); atau lebih umum, perkataan tamaddun (satu kebudayaan atau peradaban yang berasaskan kebenaran undang-undang dan moraliti); medina (kota atau negara-kota, iaitu tempat pemerintahan dan perundangan, yang dibezakan daripada zalim dan huruhara, dan peradaban yang dibedakan daripada kebiadaban); dan masyarakat madani (“civil society”) yang bermaksud satu komuniti manusia yang disatukan bukan dengan tuntutan kuasa dominan pemerintah ke atas rakyatnya tetapi berdasarkan kepada satu peraturan kesopanan sosial, satu moraliti yang berdasarkan kepada perasaan bertimbang rasa dan penyayang, satu kebudayaan yang mempunyai ketertiban, sikap mengambil berat, dan bermuafakat yang lahir dari kewarganegaraan bersama yang ditunjukkan oleh ahli-ahli komuniti itu.

Perkaitan semantik ini perlu difahami bagi membolehkan rakyat Malaysia memahami dengan lebih jelas perbincangan umum yang sedang berlaku tentang pembentukan masyarakat madani yang berkesan di Malaysia. Masyarakat madani ialah satu istilah yang cuba merangkumi pengertian “civil society” seperti yang difahami dalam pemikiran politik Barat. Dalam pemikiran Barat juga perkaitan semantik ini boleh disusurgalurkan kepada pengertian yang ada hubungan dengan “city” (Latin, civitas); serta moraliti dan tanggungjawab sosial (nilai-nilai sivik dan maruah) yang menjadi hak bersama warga kota sebagai rakyat yang bertanggungjawab. Juga “civilization”, yang bermaksud satu keadaan sosial yang unggul lagi maju yang berdasarkan kepada perkongsian nilai-nilai hidup dalam sebuah masyarakat di mana ketinggian budaya dan kemanusiaan menjadi norma hidup. Kebanyakan idea yang berkait ini (budi bahasa, kesopanan dan kesusilaan, tanggungjawab terhadap masyarakat, kemurnian dan maruah yang menjadi ciri masyarakat beradab halus dan memupuk etika dan ketinggian budaya), semuanya dicangkupi dalam pengertian istilah civilta (=“civility”) dari bahasa Itali moden.

Dalam konteks ini dapat dilihat kerelevan perkaitan antara adab dan peradaban seperti yang terdapat dalam lexikon Melayu dan Arab. Dalam peristilahan Inggeris terdapat satu hubungan yang sedemikian rupanya antara “urban” (dari kota) dan “urbane” (beradab, halus) dan “urbanity” (kesopanan, kehalusan dan ketinggian pekerti).

Sehubungan dengan ini masyarakat madani bukan sahaja bermaksud moraliti sosial yang diingini di peringkat individu dan kolektif, malah merujuk kepada keadaan sosial, kebudayaan dan politik yang membolehkan pembentukan corak hidup bermoral dan berpekerti mulia.

Rujukan

Abdullah Hassan (1995) “Pembinaan Negara dan Pendemokrasian Pendidikan”, *Kertas kerja Bengkel Strategi Pendidikan Kebangsaan Ke arah 2020*, Putra Jaya, 18-19 Disember.

Abu Bakar Nordin (1995) “Pembangunan Sumber Manusia Menjelang Tahun 2020”, *Kertas kerja Bengkel Strategi Pendidikan Kebangsaan arah 2020*, Putra Jaya, 18-19 Disember.

Anuar Othman (1991) “Vision 2020: The Non-Economic Foundation of Economic Change” *Kertas kerja Seminar on Vision 2020 & The New World Order*, Kuala Lumpur, 26 September.

Beck, R.E (1981) *Career Patterns: The Liberal Arts Major in Bell System management*, Association of American Colleges, Washington D.C.

Hamzah Ismail (1995) “Pembiayaan dan Penswastaan Pendidikan”, *Kertas kerja Bengkel Strategi Pendidikan Kebangsaan Ke arah 2020*, Putra Jaya, 18 - 19 Disember.

Mahathir Mohamad (1991) *Wawasan 2020*, *Kertas kerja Majlis Perdagangan Malaysia*.

Malaysia (1991) *Rangka Rancangan Jangka Panjang Malaysia Kedua, 1991-2000*, Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Nasional.

Wan Mokhtar Wan Yusoff & Che Husna Azhari (1995) “Pendidikan Tak Formal dan Pendidikan Aliran Agama”, *Kertas kerja Bengkel Strategi Pendidikan Kebangsaan Ke arah 2020*, Putra Jaya, 18-19 Disember.

SIRI KERTAS KERJA IKMAS
IKMAS WORKING PAPERS SERIES

| <i>Siri/Series</i> | <i>Penulis/Authors</i> | <i>Tajuk/Topics</i> |
|--------------------|--|--|
| No.1/Jun 1996 | Noraini Othman Mohd Yusof Kasim H.Osman Rani | Pendidikan Nasional Ke Arah 2020: Suatu Tinjauan Strategik |
| No.2/Jun 1996 | Rajah Rasiah | Rent Management in Proton |
| No.3/Julai 1996 | Zulkifli Osman & Osman Rani | Pekerja Asing di Malaysia |
| No.4/Aug. 1996 | Rajah Rasiah | Malaysia's National Innovation System |
| No.5/Nov. 1996 | Maznah Mohamad & Cecilia Ng | New Technologies and Women's Labour: Case Studies of Two Electronics Firms in Malaysia |
| No.6/Jan 1997 | Chris Edwards | Foreign Labour in Malaysian Development: A Strategic Shift? |
| No.7/April 1997 | David A. Sonnenfeld | Explaining Asia-Pacific Pulp Firms' Adoption of Environmental Technologies |

